kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong atas kesudian-nya datang ka-Dewan kita ini memberi ucapan dan di-samping itu dengan izin tuan, saya chuba-lah memberi sedikit sa-banyak pendapat saya dan pandangan saya terhadap isi² yang di-sediakan di-dalam ucapan-nya itu.

Mr Speaker: Persidangan ini ditempohkan.

Meshuarat di-tanggohkan pukul 5.13 petang.

Sitting resumed at 5.30 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah saya sebutkan pada permulaan ucapan saya tadi, ia-itu saya juga turut mengucapkan terima kaseh kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka yang telah datang memberi ucapan di-dalam Dewan kita ini dan di-samping itu, dengan izin tuan, saya chuba mengemukakan beberapa pendapat yang boleh di-katakan agak berlainan dengan apa yang tersebut di-dalam ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam paragraph yang pertama ia-itu menjadi mukaddimah atau pun preamble bagi ucapan daripada takhta sa-malam, negara kita berasa megah oleh kerana beberapa peristiwa besar telah berlaku, terutama-nya di-mithalkan sa-bagai tamat-nya confrontation atau pun konfrantasi di-antara Malaysia dan Indonesia dan puleh-nya perhubungan diplomatik dengan Pakistan dan Filipina. Tuan Yang di-Pertua, saya juga bershukor kepada Tuhan oleh kerana perhubungan diplomatik yang sa-macam ini dapat di-pulehkan samula. Tidak ada kejayaan yang lebeh besar bagi sa-sabuah negara dalam zaman modern yang sa-macam ini, ia-itu zaman manusia menggunakan lojik dan reason ia-itu-lah menchapai suatu kemenangan keamanan, bukan kemenangan tentera. Dan saya menyeru Kerajaan bukan sahaja sa-takat memulehkan perhubungan diplomatik dengan negeri² yang tersebut, tetapi berusaha supaya perhubungan diplo-

matik itu dapat di-isikan dengan perkara yang lebeh membena terutama dari segi social, dari segi pelajaran dan ekonomi. Tetapi saya rasa dukachita oleh kerana perhubungan diplomatik dengan Indonesia maseh lagi teragu² dan kita tidak tahu yang mana-kah kemajuan yang telah terchapai walau pun perjanjian dasar untuk mengadakan hubungan diplomatik itu telah ditanda tangani, tetapi perlaksanaan-nya kita menunggu kebijaksanaan Kerajaan dan keberanian yang menjalankan tugas itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang amat menggembirakan tetapi mendukachitakan ia-itu gembira suka dalam bentok duka dan duka dalam bentok suka. Kita dapati di-dalam ucapan ini bahawa pada tahun yang lalu kita telah mula melaksanakan Rancangan Malaysia Yang Pertama. Kita telah menchapai kemajuan ekonomi yang memuaskan hati ia-itu keluaran hasil dan pendapatan orang sa-orang telah di-tambahkan.

Tuan Yang di-Pertua, semua ra'ayat akan gembira apabila mendengar bahawa hasil atau pun keluaran barang dan pendapat bagi ra'ayat jelata ini bertambah. Tetapi kita tahu bahawa bertambah-nya ini ada-lah di-sukat dari segi istilah ekonomi sa-mata², ia-itu *per capita income*, maka daripada jumlah income negeri kita ini di-beri, di-bagi²kan kepada tiap² sa-orang maka datang-lah *per capita income* itu bertambah. Tetapi ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-mata² tiori dalam ekonomi pada hal kenyataan yang berlaku yang sa-benar-nya maseh lagi tidak dapat memuaskan hati. Sebab boleh jadi pendapatan yang banyak itu ada-lah sa-mata² pendapatan satu gulungan yang tertentu, maka di-bahagikan sa-chara di-atas angin, sa-chara teori, kapada orang² yang tidak dapat, dan ini sudah menjadi amalan Kerajaan kita tidak mahu mengaku perkara yang sa-benar supaya ra'ayat kita mendapat ketahuī apa-kah yang sa-benar-nya berlaku di-atas penambahan income kita bagi orang persorang pada tiap² tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bagitu kalau-lah income sa-saorang atau *per capita income* sa-saorang itu

betul² di-peroleh sa-chara perekktis oleh orang itu sendiri sudah tentu-lah banyak ra'ayat jelata kita boleh mendapat pekerjaan sama ada dalam public sector atau pun dalam private sector. Banyak-nya berlaku penganggoran atau pun banyak-nya berlaku tidak ada peluang bagi ra'ayat jelata mendapat pekerjaan menunjukkan bahawa income mereka itu ada-lah tidak bertambah walau pun angka wang-nya telah bertambah bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak menyebut sedikit berkenaan dengan betapa baik-nya hati sa-tengah² negara pada tahun ini yang telah menawarkan persediaan mereka itu hendak memberi pinjaman bantuan dengan jalan pinjaman kepada negara Malaysia untuk pembangunan negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa negara² yang telah memberi pinjaman kepada kita telah mengenakan bunga atau pun interest yang terlalu tinggi. Ini, Tuan Yang di-Pertua, amat-lah mendukachitakan sebab bantuan yang di-beri itu akan membebankan ra'ayat jelata kita daripada menguntungkan mereka itu. Mithal-nya, kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati satu chatitan bahawa pada tahun ini—pada tahun 1967 ini terpaksa Kerajaan Malaysia membayar interest atau pun bunga tidak kurang daripada antara \$150.000 juta dengan \$180.000 juta. Jadi \$150.000 juta ini bukan Kerajaan kita yang akan membayar tetapi ra'ayat jelata, boleh jadi budak² sekolah yang ada di-hadapan kita, mereka ini-lah akan tanggung membayar interest atau faedah \$150.000 juta satu tahun, dan kalau interest atau faedah-nya sahaja \$150.000 juta lebeh pada satu tahun, berapa-kah hutang kita yang sa-benar-nya yang berlaku bagi Malaysia ini itu-lah akan di-tanggung oleh ra'ayat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya bersama dengan Kerajaan bahawa hendak membangunkan negara kita ini kita memerlukan pinjaman daripada luar negeri, sebab development itu biasa-nya tidak-kah kita belanjakan dengan wang kita sendiri, tetapi yang saya berlainan pendapat daripada Kerajaan dan saya perchaya Kerajaan

telah pun chuba sa-berapa boleh hendak membuat kebaikan tetapi oleh kerana terlajak yang terlampau pandai, barangkali, maka mereka yang telah menggunakan wang yang di-pinjam itu kepada perojek² yang tidak productive, yang tidak economic. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada di-sebutkan di-sini ada Kerajaan luar negeri hendak memberi pinjaman kerana hendak membena satu jalan antara Sabah dengan Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, jalan ada-lah satu perkara yang besar—bagi saya jalan itu tidak ada guna-nya kalau sa-mata² jalan, yang ada guna-nya ia-lah economic road ia-itu jalan yang di-adakan yang ra'ayat jelata boleh menggunakan jalan itu untuk memindahkan hasil² mereka dan hasil² itu bertambah harga, maka baharu-lah di-katakan jalan itu economic. Kalau sa-mata² di-buat jalan dan tidak di-timbangkan faedah-nya dari segi ekonomi, maka itu akan membebankan ra'ayat lagi, sebab ra'ayat yang di-tepi jalan itu kalau tidak ada motokar hendak beli motokar, kalau tidak ada motosikal hendak beli motosikal, rumah tidak chantek di-perelokkan rumah-nya, sedang income-nya ia-itu hasil pendapatan-nya tidak bertambah dan sumber ekonomi yang hendak di-pindahkan tidak ada ka-mana. Apa yang akan menguntungkan boleh jadi pemberian pinjaman itu maka Kerajaan² yang berkenaan itu mempunyai economic interest atau pun kepentingan² ekonomi untuk memindahkan barang² mereka itu dari satu tempat ka-satu tempat, yang sa-patut-nya mereka itu memberi perchuma, bukan memberi pinjam.

Tuan Yang di-Pertua, banyak-lah chontoh lagi di-Tanah Melayu kita ini sama ada sa-belum merdeka atau pun sa-sudah merdeka yang pehak² penanaman modal ini memberi kewangan membantu Kerajaan Malaysia atau Kerajaan kita Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu membena jalan² tetapi jalan² itu bukan kerana hendak menolong orang kampung hanya hendak mengeluarkan barang² mereka itu dari perdalaman mari ka-bandar² untuk menjual kepada pasar², yang sa-patut-nya pinjaman yang sa-macham itu tidak di-namakan

pinjaman, tetapi patut-lah di-namakan grant. Dan saya bimbang pinjaman yang banyak yang akan di-beri ini adalah sa-mata² untuk memindahkan ekonomi atau pun interest mereka itu dalam negeri kita ini, dengan demikian ra'ayat juga yang akan membayar hutang itu, sedang hasil dari segi ekonomi-nya ada-lah di-punya'i oleh majikan² atau pun penanam² modal yang datang ka-negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira mendengar bahawa Jepun akan memberi dua buah kapal kepada negeri kita sama ada kerana perasaan muhibbah sa-lepas perang dahulu atau pun kerana sebab² yang lain, tetapi yang saya berasa gembira ia-lah negara kita pada tahun ini telah chuba masuk dalam perusahaan perkapalan yang sudah lama saya menjerit² di-dalam Dewan ini dan pada hari ini jeritan itu menjadi kenyataan. Saya tidak-lah mesti mengatakan bahawa Kerajaan tundok kepada jeritan saya atau pun Kerajaan memang mengadakan perojek yang samacham itu, tetapi kita sa-bagai sa-buah negara apabila perusahaan perkapalan yang dahulu-nya kita belum ada dapat di-adakan maka itu ada-lah menjadi kegembiraan bagi negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang, hampir² \$300 juta pada tiap² tahun yang kita terpaksa membayar oleh kerana memindahkan barang² negeri kita sama ada dengan jalan ekseptot atau pun impot dan Kerajaan menyatakan bahawa tidak kurang daripada \$275 juta yang kita bayar kepada bayaran² yang di-kenakan dengan jalan f.o.b. Kalau-lah kita sedar bahawa \$275 juta ini pada tiap² tahun kita membayar, kalau kita dapat menjalankan perkapalan dua tahun dahulu saya rasa perkara ini tidak berbangkit lagi dan jangan-lah kita sampai bagitu dayus ia-itu menunggu hadiah kapal daripada sa-buah negeri di-atas perahan darah—aliran darah bangsa kita dalam peperangan Jepun dahulu. Jadi erti-nya sa-olah² kita kalau-lah tidak ada orang² kita yang telah terkorban darah mengalir, nyawa melayang, boleh jadi perkapalan ini tidak berjalan. Maka nasib baik-lah ada orang² di-negeri kita ini sanggup melayangkan

nyawa-nya dan mengalirkan darah-nya—rahmat kepada Kerajaan Perikatan membuat satu perusahaan perkapalan di-atas mayat² ra'ayat kita yang telah mati dan ini ada-lah satu kejayaan yang amat memalukan kepada orang² yang dapat berfikir.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hendak memajukan pembangunan negara, saya berasa besar hati apabila mendengar bahawa Kerajaan kita atau pun negara hendak membanyakkan lagi puncha² ekonomi bagi ra'ayat jelata tetapi terkejut saya apabila di-katakan membanyakkan puncha² ekonomi itu di-utamakan kepada menanam kelapa sawit. Tuan Yang di-Pertua, menanam kelapa sawit ada-lah satu sumber ekonomi yang baharu. Saya akui. Tetapi saya minta ma'af kerana saya bukan sa-orang ahli ekonomi, tetapi yang saya tahu kelapa sawit ini tidak boleh di-jalankan oleh ra'ayat sendiri dia terpaksa di-jalankan oleh satu kompeni yang besar kerana dia tidak sa-bagai bijeh, tidak sa-bagai timah yang boleh di-kirim ka-luar negeri, tetapi dia mesti ada factory di-tempat itu juga. Berapa orang daripada ra'ayat kita yang di-luar bandar itu boleh mengadakan ladang kelapa sawit dan factory dengan serentak di-situ, di-mana ekseptot mereka itu dan di-mana kebolehan mereka di-dalam technical know-how. Jadi ini terpaksa juga di-beri kepada satu kompeni yang besar.

Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ka-Kelantan singgah di-Trengganu dapati-lah kita satu projek—saya tidak tahu kalau tidak salah saya 30,000 atau 35,000 ekar tanah yang hendak di-tanam dengan kelapa sawit.

Bukti yang saya katakan tadi ia-lah tanah itu di-tanam dengan kelapa sawit dengan perbelanjaan yang tertentu dan di-buat-lah satu perjanjian dengan satu kompeni yang mempunyai kesanggupan dari segi kewangan-nya. Ini menunjukkan bahawa ra'ayat tidak boleh masuk champor dalam perusahaan yang sa-macham itu. Maka di-dalam perjalanan kompeni ini yang saya baca dalam buku-nya ia-itu apabila ra'ayat berkehendak membeli sa-bahagian daripada kelapa sawit ini

boleh-lah ra'ayat membeli dengan harga \$2,000 pada satu ekar. Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat jelata tidak dapat membeli \$2,000 satu ekar ia-itu tanah kelapa sawit kerana mereka tidak ada mempunyai pengalaman di-dalam menjalankan kelapa sawit, lain kalau padi atau pun getah.

Yang kedua, apabila ra'ayat tidak boleh beli satu ekar \$2,000 ini, dan sudah tentu ra'ayat tidak boleh beli, maka terpaksa di-jualkan kepada satu badan yang menjadi perbadanan—yang menjadi perantaraan di-antara ra'ayat dengan pehak kompeni itu dengan harga \$1,500 ia-itu daripada ra'ayat \$2,000, daripada perbadanan ini \$1,500; jadi, kepada orang miskin mahal harga-nya, kepada orang kaya sa-makin kurang; dan kalau perbadanan ini tidak boleh membeli dengan harga \$1,500 itu maka tanah itu boleh-lah di-jual kepada kompeni—sharikat yang menjalankan perusahaan itu dengan harga—tidak ada orang Trengganu di-sini—dengan harga \$75. Jadi kalau ra'ayat jelata \$2,000 perbadanan yang agak kapitalistik sedikit \$1,500; kepada kompeni yang betul² kaya \$75 ini satu perkara yang amat mena'ajubkan, satu luar biasa yang terchapai dalam wartak Kerajaan Perikatan bagi tahun 1967 dan saya uchap angkat topi bahawa satu *new finding* dalam Kerajaan Perikatan ia-itu kepada orang yang miskin \$2,000 yang agak kaya sedikit \$1,500 kepada orang kaya betul \$75 sahaja! Jadi saya rasa ini saya tidak tahu sa-benarnya apa yang berjalan tetapi itu fact yang saya dapat yang saya kaitkan bahawa mengutamakan penanaman kelapa sawit ini bukan menjadi projek untuk ra'ayat tetapi projek untuk sa-tengah² orang yang kapitalistik dan ini bererti bahawa Kerajaan Perikatan maseh lagi menghidupkan faham kapitalistik di-dalam pelaksanaan ekonomi mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang meng-gembirakan kita ia-lah, saya juga turut gembira, oleh kerana bukan-lah keselurohan-nya apa yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan itu tidak baik saya mengaku juga baik, ia-itu kita dapat satu usaha hendak menambahkan lagi

penanaman padi yang akan di-tam-bahkan lagi hasil-nya 1,200 gantang pada satu ekar. Menanam padi betul ini perojek daripada ra'ayat. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi sudah menjadi tabi'at kapada saya ia-itu ada sahaja yang saya nampak dalam Kerajaan Perikatan sa-lagi saya tidak masok Perikatan atau Perikatan tidak masok PAS—ada sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat lubang-nya untuk masok, ia-itu kalau-lah betul padi ria ini dapat menambah sampai 1,200 gantang bagi satu ekar sa-patut-nya Kerajaan kita membuat satu penyiasatan memberi tahu kepada ra'ayat bahawa satu falsafah atau pun satu pendapat baharu berkenaan dengan padi ini boleh di-lakukan di-Tanah Melayu ini.

Saya telah membacha, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penanaman padi dalam dunia ini saya dapati satu; terjemahan-nya saya agak lupa tetapi berbunyi bagini ia-itu "Falsafah Menanam Padi *Orizatasiva*" ia-itu menanam padi, maka jenis padi dan jenis tanah itu di-adakan satu buku dan ra'ayat di-mana pun boleh mengkaji sama ada sesuai atau pun tidak. Di-dalam buku *orizatasiva* itu boleh kita menanam padi bukan sahaja di-tempat² yang ada ayer tetapi padi *huma* pun boleh daripada kita menanam getah untuk mengirim ka-Amerika atau pun Britain yang mereka mempunyai stock pile-nya kadang² naik harga, kadang² turun dan naik. Saya rasa untuk menuju kepada self-sufficient ia-itu untuk chukup diri sendiri dalam makanan, lebeh baik kita menanam *huma* itu dengan padi tidak dengan getah. Oleh kerana sa-buah negara itu kalau dia walau pun menuju kepada perusahaan atau pun industrialisation tetapi yang utama saka-li ia-lah menentukan betul-kah tidak negara itu boleh menjadi sa-buah negara yang self-sufficient bagi makanan-nya dan ini tidak boleh di-buktikan oleh Kerajaan Perikatan kita pada masa ini ia-itu melambong naik-nya harga beras dengan tidak bersebab, menunjokkan bahawa makanan kita terutama beras ada-lah dalam keadaan terugut.

Ada pun perishtiwaran yang di-buat oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan bahawa ra'ayat jelata jangan susah hati sebab beras chukup bagi negeri kita, Tuan Yang di-Pertua, masaalah chukup atau pun tidak bukan-lah masaalah yang di-sukat dengan angka di-atas buku tetapi di-sukat dengan rasa ra'ayat. Apa-lah erti-nya Kerajaan kita mengatakan kepada ra'ayat, "Be calm!"—dudok diam² jangan susah hati, beras chukup pada hal harga beras bertambah naik, daripada \$2.00 kepada \$2.40 kepada \$2.60 tetapi chukup, chukup bagi kita ia-lah untok makan tetapi kepada ra'ayat membeli beras itu menjadi sukatan sama ada chukup atau pun tidak, maka melambong naik-nya harga² beras yang sa-macam itu amat-lah mendukachitakan terutama kepada kawasan² yang menanam beras itu sendiri sa-bagaimana kawasan daripada Menteri Penerangan kita di-Kedah ia-itu kawasan itu dapat mengeluarkan padi tetapi harga beras bertambah naik.

Ada pun jaminan Kerajaan mengatakan bahawa Kerajaan boleh membeli \$16 pada satu pikul ia-itu harga yang tertinggi sa-kali apabila kedudukan makanan ini turun kepada bufferstock ia-itu erti-nya Kerajaan-lah orang yang pertama sa-kali yang akan membeli tinggi harga-nya pada satu pikul \$16. Tuan Yang di-Pertua, dari segi teori saya bersetuju tetapi bila-kah padi dan beras boleh turun kepada harga itu, jadi Kerajaan membuat satu jaminan yang tidak datang kepada-nya, ia-itu dia berani membeli gajah sa-ekor \$5 kalau ada orang tidak mahu membeli Kerajaan akan beli kesemua gajah dalam Tanah Melayu dengan harga \$5, sampai bila harga gajah itu hendak turun kepada \$5, tentu tidak turun. Jadi Kerajaan akan membeli satu pikul \$16 padi apabila orang² lain tidak beli di-mana akan berlaku di-Tanah Melayu orang lain tidak beli padi kerana hasil kita sa-mata² tidak sampai 50 per sen hasil padi, jadi kita dapat dalam 40 per sen bagi makanan kita dan dengan ada tanaman baharu ini agak-nya ada bertambah sedikit dan itu tidak menjadi neracha kepada apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, itu ada-lah masaalah padi dan saya mengshorkan kepada Kerajaan supaya mengeluarkan satu buku yang di-namakan buku keterangan di-atas kemungkinan penanam padi bagi negara Malaysia dan tidak kepada satu² kawasan yang tertentu.

Ada pun masaalah pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, kita bersama² dengan Kerajaan berasa bangga oleh kerana Kerajaan kita dapat mengeluarkan sijil dalam bahasa Melayu FMC ia-itu peperiksaan menerusi bahasa Melayu atau pun bahasa kebangsaan atau pun sijil HSC dalam bahasa Melayu tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bila kita menempoh bahasa, maka bukan bahasa itu sahaja yang menjadi benda yang menjadi masaalah yang kita perkatakan tetapi nilai ekonomi bagi bahasa itu. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau silap² kita menjalankan perkara ini maka sijil itu langsung tidak ada harga-nya. Sebab nilai ekonomi-nya tidak ada, mithal-nya sa-orang pelajar yang telah lulus FMC dalam bahasa Inggeris dan sa-orang lagi lulus dalam bahasa Melayu atau pun bahasa kebangsaan, maka apabila dia hendak menchari kerja, sijil FMC dalam bahasa Inggeris itu di-utamakan, tetapi sijil dalam bahasa Melayu itu tidak di-utamakan, maka itu menunjukkan tidak ada nilai ekonomi kepada sijil itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa Kerajaan menegenipikan bahasa Melayu, tetapi hendak menaikkan bahasa Inggeris. Saya berchakap sa-mata² dalam education, ia-itu nilai ekonomi bagi sijil itu. Siapa pun, bukan sahaja Perikatan, kerajaan mana sa-kali pun, kalau sijil itu sama—sijil FMC, tentu dia memilih orang yang mendapat dua bahasa sa-kurang²-nya sa-lain daripada pekerjaan hari² dia dapat menengok buku yang lain. Jadi satu pertolongan kepada satu² Kerajaan—macham senapang double barrel boleh menembak dua sa-kali. Jadi dengan bagitu tertinggal-lah sijil FMC dalam bahasa Melayu ini dan dengan yang demikian lebeh banyak lagi menyebabkan penganggoran² dikalangan anak² muda yang kita takut pada satu masa akan berubah menjadi

gangster oleh kerana tidak mempunyai pekerjaan². Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam menentukan sijil atau pun nilai ekonomi bagi satu² sijil itu, saya berharap Kementerian Pelajaran menunjokkan satu bukti bahawa sijil FMC dalam bahasa kebangsaan itu mempunyai nilai ekonomi-nya dalam pereketik sama dengan sijil² yang lain. Jikalau tidak, maka sijil itu sa-mata² menjadi sijil ia-itu sa-bagai satu sijil yang boleh di-letakkan atau di-gantong di-rumah tetapi tidak dapat harga sa-bagaimana pedang yang tidak mempunyai mata.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kesihatan amat-lah mendukachitakan kita ia-itu berikutan dengan pembentokan Malaysia, saya tidak tahu ada-kah itu kesalahan ra'ayat atau pun kesalahan Kerajaan, atau pun memang kerana sial-nya pembentokan Malaysia ini, ia-itu anak² Melayu tiap² tahun tidak kurang daripada 28,000 mati sa-belum masuk sekolah—28,000 tiap² tahun! Dahulu sa-belum menjadi Malaysia tidak sangat banyak bagitu, sa-lama jadi Malaysia ini, barangkali budak² itu sa-olah²-nya segan hendak duduk dalam Malaysia, agak-nya—tidak mahu dudok lama—28,000 pada tiap² tahun, sedang yang bukan Melayu tidak sampai 8,000—tinggi² 8,000. Jadi, 28,000 mati pada tiap² tahun yang lain-nya 8,000 sahaja. Ini mesti ada satu² sebab kekurangan dalam Kementerian Kesihatan. Orang² Melayu, Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak productive dalam mewujudkan generation yang baharu dan saya perchaya tiap² orang Melayu dapat menghasilkan satu angka yang tidak dapat di-kechilkan. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, sudah lapam dan boleh jadi akan dapat lagi sa-orang dua.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang kita katakan ini, ia-lah dari segi kesihatan satu precaution atau pun satu kawalan patut-lah kita adakan supaya budak² ini tidak mati chepat sa-belum mereka itu masuk sekolah. Kita tidak tahu di-antara 28,000 yang mati ini, ada-kah yang akan menjadi Menteri, ada-kah yang akan menjadi professor, ada-kah yang akan menjadi bermacham², ada-kah yang akan menjadi Ahli Dewan Ra'ayat, dan ada-kah yang

bertuah barangkali, boleh naik menjadi sa-bagai Tuan Speaker. Tetapi kalau banyak mati bagini, bukan sahaja ra'ayat kita kurang tetapi juga menunjokkan bahawa kawalan kita dalam kesihatan tidak bagitu utuh dan amat-lah malu kapada negara² yang lain, terutama apabila kita masuk dalam persidangan WHO tentu-lah orang ajaib melihat anak² mati 28,000 pada tiap² tahun sa-mata² sa-telah perbentokan Malaysia ini; dan ada-kah Malaysia bertanggung-jawab? Tidak-lah saya tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan wang baharu, Kerajaan sendiri berasa gembira mengeluarkan wang baharu. Tuan Yang di-Pertua, apa ada kena-mengena-nya dengan gembira-nya mengeluarkan wang baharu? Wang itu sa-ringgit, sa-ringgit juga. Tidak ada kena-mengena nilai wang walau ada pun wang baharu; memang tiap² benda yang baharu itu menjadi kesukaan orang: kalau baharu sahaja ada-lah orang suka dan menyangka benda itu baik, dan pepatah orang puteh kata "omne ignotum pro magnifico"—benda² yang tidak tahu orang sangka dia magnificent. Pada hal duit-nya sa-ringgit juga dan kalau hendak tengok kertas-nya lagi lebeh burok daripada duit yang lama. Tulisan Melayu pun tidak ada akibat daripada UMNO tidak mahu tengok tulisan Jawi ini maka di-buangkan langsung benda itu. Jadi duit itu tidak bertambah—satu!

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tidak usah kita hendak menjadi budak² apabila note baharu datang kita melompat, macham budak² *curiosity* sahaja sa-mata² ada benda baharu kita melompat dan saya tidak tahu lagi banyak mana-kah yang telah dapat dipungut balek oleh Kementerian Kewangan kita. Kerana apabila duit kita ini keluar yang baharu yang lama tidak sampai balek dari segi foreign exchange yang kita susah, dan saya menunggu pehak Kerajaan kita memberi kenyataan sa-berapa banyak dia telah dapat pungut hari yang pertama duit baharu berapa orang tukar balek dan dalam masa persidangan kita ini dapat-lah kita timbangkan bahawa sa-banyak mana duit itu akan datang balek dan di-situ-lah, kita gembira

atau pun tidak, bukan kerana duit baharu itu sa-mata². Chuma saya gem-bira sedikit bahawa duit yang baharu itu di-belakang-nya, dahulu kapal layar dan sekarang ini nampak-nya kijang negeri Kelantan. Ini menunjukkan bahawa, boleh jadi, kijang negeri Kelantan itu sudah masok ka-dalam jiwa Kerajaan Perikatan, kita yang berkuasa dan insha' Allah dengan ki-jang itu akan kita kijangkan Kerajaan Perikatan pada tahun 1969.

Berkenaan dengan perburohan kita ada satu Lembaga ia-itu Lembaga Memindahkan Buroh ka-Sabah. Dengan ini pun Kerajaan kita memasokkan di-dalam Titah di-Raja. 400 orang buroh pergi bekerja sudah masok dalam Titah yang bagini tinggi harga-nya; sa-olah² dari segi perburohan itu Kerajaan kita tidak tahu hendak berbuat apa, ada menghantar kuli 400 orang itu, itu-lah benda yang kami buat—400 orang ini pergi menjadi buroh di-sana. Jadi pergi menjadi kuli di-sana dan ini-lah yang di-bangga²kan. Pada hal, Tuan Yang di-Pertua, masalah memberi kerja itu tidak mesti kita membawa pergi ka-negeri Sabah, kerana di-Sabah maseh banyak buroh lagi yang patut di-beri kerja, maka langkah membawa buroh daripada Malaysia Barat pergi ka-Malaysia Timor ada-lah satu propaganda dan satu perkara menchari publicity sa-mata², ia-itu apabila buroh bertanya, “Apa-kah Kerajaan membuat berkenaan dengan buroh?” “Kami telah mengirim 400 orang pergi ka-negeri Sabah”. Jadi, 400 orang ladang kechil pun ada 400 orang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sudah masok Titah yang bagini besar. Ayam apabila berketok kuat, telor-nya sa-biji juga, Tuan Yang di-Pertua, tidak lebeh.

Perojek besar—kita mengatakan bahawa kita ada mempunyai perojek besar dan Kerajaan sekarang ini yakin dan sedar bahawa ra'ayat jelata tidak akan merasa kema'amoran melainkan kalau perojek² besar ini dapat di-jalankan dengan sa-penoh-nya; tetapi ini-lah yang belum di-jalankan oleh Kerajaan kita lagi. ia-itu Kerajaan kita yang berkuasa pada masa ini belum dapat menjalankan perojek² yang besar

yang benar² boleh memberi pekerjaan kapada ra'ayat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, memberi kemudahan dan pertolongan kapada ra'ayat dengan sa-chara perchuma bukan jalan untok menolong ra'ayat bagini. Sebab kalau Kerajaan hendak memberi di-atas dasar welfare maka berapa banyak yang Kerajaan akan terpaksa tanggung dan akhir nya hutang² yang kita dapat daripada luar itu, ra'ayat juga akan membayar dengan interest-nya lagi. Tetapi, itu yang baik ada-lah memberi pekerjaan kapada mereka itu. Erti-nya create atau pun menimbulkan medan² baharu dalam hidup mereka itu dapat bekerja melepaskan activiti mereka itu dan mereka menchari rezki sendiri. Ini tidak di-laksanakan melainkan dengan perojek² yang besar, tetapi ini belum dapat di-laksanakan oleh Kerajaan dan Kerajaan hanya mengatakan bahawa kita akan terus melaksanakan tidak berhenti² bekerja walau pun tidak buat lagi. Jadi ini ada satu chabaran kapada general structure ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hubungan kita dengan negeri² kominis. Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu faham kominis dan gerakan subersib maseh lagi menjadi satu anchaman yang besar kapada keselamatan Malaysia. Pada hal pagi tadi, dan sa-belum daripada ini beberapa kali, Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita telah menyatakan dalam Dewan ini bahawa kita menentang bukan faham kominis, tetapi menentang terrorism atau pun keganasan yang di-lakukan oleh kominis, oleh orang² kominis. Saya berkata bahawa kekerasan dan kekejaman itu tidak sahaja kominis daripada kapitalis sendiri pun, daripada siapa sa-kali pun kalau dia menjalankan kekerasan patut kita tentang. Tetapi, yang pelek-nya ia-lah kita menentang terrorism daripada kominis sahaja. Dan dalam pada itu pula tersebut di-dalam ini faham kominis menjadi anchaman di-negeri kita, di-dalam Titah di-Raja, di-dalam kenyataan Perdana Menteri menyatak bahawa faham kominis tidak menjadi satu hal, arti-nya tidak mengancham negeri kita, yang mana

satu yang betul saya pun tidak tahu; yang saya tahu Uchapan ini di-buat oleh Kerajaan mengikut Perlembagaan kita maka dia sendiri kata tidak, dan dia juga mengatakan ya. Jadi, dia berlawanan dengan dia sendiri, menjadikan ra'ayat bingung. Ada pun pehak² di-sana sudah tentu tidak berkata apa, apa yang di-buat oleh Kerajaan mereka itu.

Menteri Penerangan dan Penyiaran (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Ahli Yang Berhormat, polisi Kerajaan ada-lah terang, ia-itu Kerajaan tidak menentang dasar kominism. Kalau kominism itu hendak di-prektiskan, di-jalankan di-mana negeri juga, itu bukan jadi dasar Kerajaan kita menentang; tetapi yang di-tentang oleh Kerajaan ia-lah dasar kominism yang berjalan di-sini, terutama sa-kali kominism yang berjalan dengan chara terrorism—itu yang di-tentang oleh Kerajaan. Pendek-nya kalau kominism itu berjalan di-Russia, di-China atau di-mana² pun tidak ada sebab kita menentang dasar kominism berjalan di-sana. Kominism di-negeri kita yang telah kita berpengalaman ia-itu dengan chara terrorism, itu yang kita tentang. Jadi, tidak ada sedikit perbezaan di-antara Titah Duli Yang Maha Mulia dengan penjelasan Yang Teramat Mulia Tunku.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ber-setuju bahawa faham kominis negeri lain itu kita tidak boleh menentang oleh kerana negeri kita tidak berhak hendak menchampur urusan dalam negeri orang dan saya pun tidak fikir kalau Kerajaan Malaysia ini hendak menentang, siapa hendak peduli, kominis China 700 million orang-nya kalau sa-kira-nya Malaysia kata jangan, dia jeling sahaja barangkali General² Malaysia demam empat hari. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang kita berchakap ia-lah masaalah dalam negeri kita sendiri. Kalau-lah Kerajaan kita tidak menentang faham kominism kechuali kalau dia melakukan terrorism dalam negeri ini, arti-nya kalau ada satu parti kominis yang loyal yang tidak membuat kachau dalam negeri ini boleh-lah dia meng-

ambil permit mengadakan satu partai kominis di-sini. Dan kalau itu arti-nya maka ada-lah peluang kapada beberapa parti yang ingin kapada dasar kominism untok menjalankan di-sini dan ini akhir-nya akan jadi apa yang kita tahu, ia-itu faham kominism itu sendiri berlawan dengan hasrat keamanan negeri bagi negeri Malaysia ini ia-itu chara hidup kita tidak sama dengan chara itu. Maka dengan chara hidup yang tidak sama ini, kalau di-bawa mari ka-sini, akan jahanam-lah chara yang kita buat, dan itu-lah yang saya katakan faham kominis patut di-awasi di-dalam memperkata berkenaan dengan-nya. Dan saya tidak-lah menyokong Kerajaan dalam mengachau negeri orang lain sama ada dia hendak menjalankan atau pun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita berasa gembira ia-itu Kerajaan kita akan membesarkan lagi tentera²-nya ia-itu kekuatan tentera sama ada di-darat atau pun di-laut atau pun di-udara. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu membesarkan tentera ini ada-lah satu masaalah yang rumit yang berkehendak kapada perbelanjaan yang amat banyak. Yang mendukachitakan saya pemuda² Malaysia di-luar negeri yang pergi belajar dan masok di-dalam maktab² akadami tentera tidak di-benarkan oleh Malaysia. Pada hal mereka itu pergi berlateh dan belajar ilmu tentera dengan perbelanjaan sendiri dan balek akan berkhidmat di-negeri kita. Kalau kita menegah pemuda² kita ini belajar tentera maka mereka itu balek mari ka-sini dia dapat berkhidmat dengan negara kita dengan yang demikian sachara tidak langsung kita membesarkan angkatan tentera kita. Tetapi, saya tidak tahu polisi Kerajaan kita menegah pemuda² belajar tentera di-luar negeri saya tidak tahu dudok-nya di-mana, dan niat hendak membesarkan tentera itu sendiri. Apa-kah kalau sa-kira-nya di-segi pelajaran kita membuka sa-buah universiti dan ada anak² kita pergi mengaji di-universiti di-luar negeri balek kita recognize atau pun kita aku² sijil²-nya. Di-Amerika sahaja mengikut dalam penyata yang saya terbacha ia-itu tidak kurang pada masa ini dalam 1,500 institute atau

pun universiti yang kita akui. Tetapi, tentera pada masa ini tidak boleh dia belajar dan saya bimbang takut budak² yang belajar itu akan di-ambil satu tindakan oleh Kerajaan. Jadi, saya mengshorkan kepada Kerajaan dalam usaha membesarkan tentera ini ada-lah kita membenarkan budak² itu belajar dalam bahagian tentera.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sudah patut budak² kita yang lulus F.M.C. yang sudah tentu-lah tidak ada kerja sekarang ini mudah dapat didalam jabatan Kerajaan hatta dalam Kementerian² sendiri pun, kechuali-lah kalau pemegang² sijil itu daripada gadis agak-nya mudah sedikit mendapat kerja daripada pemuda²—pemuda² amat-lah susah. Kalau begitu saya mengshorkan kepada Kerajaan supaya budak² yang lulus F.M.C. ini kalau tidak ada kerja lain patut-lah di-kirim kepada maktab militeri dan di-militerikan pemuda² itu dengan chara yang tertentu, dengan demikian sendiri-nya kita mendapat tentera yang lebeh banyak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ranchangan² kemajuan tanah. Pada tahun ini kita hendak mulakan lagi satu ranchangan yang di-namakan Pembukaan Tanah Jengka Tiga Segi. Tanah tiga segi ini akan kita bukakan. Maka dalam ranchangan tanah tiga segi ini, saya tidak tahu ada-kah Kerajaan ini akan samakan dengan ranchangan F.L.D.A. Yang saya katakan saya tidak tahu ia-lah kerana ranchangan tanah F.L.D.A. yang saya tahu satu sahaja—yang banyak lagi saya tidak tahu, alhamdulillah yang saya tahu itu burok yang saya tidak tahu itu lebeh lagi burok agak-nya—ia-itu satu lot atau pun satu keping tanah di-pandang oleh ranchangan ini sa-bagai sa-keping tanah yang ekonomik, di-beri bantuan wang, di-beri bantuan benih begitu bagini, belanjanya dalam masa 10 tahun ini dalam ranchangan tentu ini, tidak semua, saya minta pula Kerajaan supaya jangan menudoh saya memborong begitu, ia-itu ribu ringgit harga satu keping tanah yang di-katakan ekonomik itu sudah di-belanjakan, dia baharu dapat hasil-nya baharu mula dalam sa-tahun dua sudah \$5,000.

Kemudian daripada itu, \$5,000 ini dikenakan tidak kurang daripada 6% dia punya interest—kalau 6% sudah dekat \$4,000 kurang²-nya \$3,000 interest-nya (faedah-nya) kapada hutang yang di-beri oleh F.L.D.A. kapada orang yang mengambil tanah itu. Jadi erti-nya sudah \$8,000. Sudah \$8,000 kita tidak tahu berapa lama lagi peserta ini akan boleh bayar; interest sa-makin naik, compound interest kena pada tiap² tahun. Jadi Tanah Tiga Segi ini saya tidak tahu berapa kali compound hendak kena interest-nya itu, dan saya minta jangan-lah jadi nasib F.L.D.A. ini. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, berti-lah bahawa chara tanah F.L.D.A. sekarang ini memberatkan ra'ayat, dan saya berharap supaya Tanah Tiga Segi ini tidak-lah di-kenakan chara² yang sa-macham itu.

Ada satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai welfare atau pun kebajikan bagi ra'ayat jelata di-kampong², ia-itu-lah perbekalan ayer dan letrik. Saya rasa perbekalan ayer dan letrik ini amat-lah besar erti-nya kapada orang kampong supaya mereka itu dapat meni'mati hidup. Tetapi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa perjalanan *rural electrification* atau pun mengelektrikkan kawasan² luar bandar ada-lah sa-mata² di-pandang dari segi *commercial angle* sahaja, ia-itu kalau kita tidak dapat menghasilkan duit balek, maka kita rentikan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, betul kita tidak dapat memberi tiap² perojek untok tiap² kampong terutama dengan letrik sebab belanja-nya banyak dan orang kampong pun boleh hidup kalau tidak ada letrik. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sudah dapat masuk letrik dengan jalan welfare basis atau pun dasar welfare ka-dalam kampong², maka dengan sendiri-nya kampong itu akan menjadi bandar kechil, dan apabila menjadi bandar kechil activiti hidup itu akan berubah chorak daripada chorak biasa kekampongan kapada chorak yang berbau bandar sedikit. Dan ini tidak di-jalankan oleh Kerajaan. Kerajaan mengatakan bahawa ranchangan letrik ini amat-lah rugi banyak kalau kita

berdasarkan di-atas dasar welfare. Hanya ada dua tiga kawasan sahaja, ia-itu sa-bagai chontoh yang di-kemukakan, maka chontoh ini-lah yang akan menjadi modal bagi Kerajaan Perikatan menunjukkan kepada ra'ayat jelata dan Dewan ini yang mereka dapat menjalankan letrik ka-kampung².

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir daripada Uchapan ini ia-itu kita terlampau banyak menambah perbelanjaan berkenaan keselamatan negeri, dan kita pada masa ini menanggung beban kerana jatuh-nya harga getah dan harga bijeh timah. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kena-mengena, Tuan Yang di-Pertua, membelanjakan wang kita dengan harga getah atau pun bijeh yang naik dan turun. Sebab, harga getah dan harga bijeh ini naik turun-nya ia-lah kena-mengena dengan penjualan kalau kita ada di-mana² stockpile yang kita berjanji dalam dunia, terutama had buffer stock. Dan ini saya dapat tahu-lah daripada akhbar² bahawa ada negeri² yang di-tangan-nya terletak kedudukan buffer stock atau pun mereka itu mempunyai stockpile yang banyak telah menjual getah² itu dengan tidak persetujuan negara² yang berkenaan, terutama Malaysia kita. Dan ini telah berlaku, dan saya tidak tahu apa sebab Kerajaan Malaysia kita boleh berdiam diri, pada hal mengikut report getah dan report bijeh bahawa bijeh Malaysia dan getah Malaysia ada lah mutunya tinggi daripada negeri² yang lain. Dan apa-kah reciprocal action atau satu tindakan balas yang timpal yang di-ambil oleh Kerajaan kita terhadap orang² yang melanggar perjanjian. sa-kurang²-nya perjanjian gentleman berkenaan dengan bijeh dan getah ini.

Saya dapat tahu bahawa Kerajaan kita telah menghantarkan bantahan kepada Amerika berkenaan dengan menjual bijeh atau pun getah, tetapi oleh kerana Kerajaan itu menghulorkan tawaran, bukan menghulorkan bantuan—baharu berchakap hendak bagi bantuan, maka kita nampak bantuan itu lebeh besar, maka kita tidak ada mengambil tindakan. Pada hal, Tuan Yang di-Pertua, bantuan masalah lain, memechahkan ka'edah menghormati

buffer stock itu masaalah lain, menjual simpanan dalam stockpile masaalah lain. Maka sa-olah²-nya Kerajaan kita ini dapat di-gula²kan dengan tawaran memberi bantuan yang kita tidak tahu pula berapa banyak faedah-nya (interest) yang akan di-beri kepada kita dalam masaalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan masuk atau pun hasil income kita yang menyebabkan kesukaran bagi Malaysia kita, ia-itu masok-nya kurang, belanjanya lebeh banyak. Saya, alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu hari ini benar kejadian di-negara kita begitu. Jadi tidak hairan-lah kalau sa-kira-nya Kerajaan negeri Kelantan tidak ada duit, rupa-nya Kerajaan Malaysia pun banyak juga duit-nya yang terhutang sa-hingga tidak boleh hendak membayar perbelanjaan yang berulang²—maksud saya ia-itu perbelanjaan recurrent sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak timbulkan perkara ini kalau tidak di-timbulkan oleh pehak di-sana pada pagi ini. Ia-itu, saya tidak tahu berapa banyak-kah yang Kerajaan Perikatan atau Kerajaan Pusat meng-ambil tiap² tahun revenue atau pun hasil semua sa-kali daripada negeri Kelantan berdasarkan Perlembagaan, bukan merampas—tentu-lah Kerajaan Perikatan tahu bagaimana, kalau dia hendak mengambil-nya, dia membuat dahulu perjanjian, maka kita terikat dengan Perlembagaan. Yang saya dapat tahu, kalau ta' salah—kalau salah boleh di-betulkan (subject to correction) ta' apa—ia-itu saya dapat tahu tidak kurang \$70 juta pada tiap² tahun di-jumlahkan kesemua sa-kali kemungkinan chukai, ia-itu kira² antara 60 dengan 70 juta ringgit. Yang di-beri balek, kalau ta' salah saya \$6 juta atau \$7 juta. Jadi, erti-nya, 63 di-bawa kasini, \$6 juta atau \$7 juta di-hantar kasana. Jadi ini-lah menjadi satu sebab-nya, ia-itu kita kurang duit di-negeri Kelantan itu, dan kalau Kerajaan kita ini boleh bermurah hati menambahkan sedikit lagi, atau pun pinda Perlembagaan, di-beri lebeh banyak lagi, tentu-lah tidak ada susah bagi Kerajaan Kelantan. Ada pun balasan jasa baik Kerajaan memberi duit ka-negeri

Kelantan itu ta' payah-lah serah negeri Kelantan itu kepada Kerajaan Perikatan, tetapi boleh bekerjasama supaya kita menambahkan lagi duit itu bagi Kerajaan Kelantan dapat menjalankan pekerjaan²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, di-negeri Perlis sendiri—di-negeri saya sendiri, ia-itu pada tiap² \$1 million perchuma sahaja yang Kerajaan Pusat kena beri oleh kerana hasil-nya terlalu kurang. Dan semua negeri di-bantu. Dan di-negeri Johor sendiri pun—saya dapat tahu pernah Menteri Besar-nya mengatakan negeri Johor sa-bagai janda yang kaya, ia-itu sa-bagai isteri yang kaya mendapat suami yang pemeras darah, ia-itu di-ambil-nya banyak di-beri-nya sedikit. Jadi, tidak hairan, Tuan Yang di-Pertua, berlaku di-negeri Kelantan kerana di-Johor sendiri pun berlaku—beza-nya di-Johor itu ia-lah di-perintah oleh Perikatan, boleh dia ganti isteri-nya itu, di-Kelantan hendak di-ganti ta' boleh, sebab orang itu tidak menikah lagi dengan kita—dia na' ganti, ta' boleh.

Jadi masalaah ini masalaah national, Tuan Yang di-Pertua—masalaah negara dan masalaah kebangsaan. Tidak ada untong bagi Kerajaan Pusat menekan dengan jalan tidak mahu memberi bantuan atau mithal-nya mengugut² tidak mahu menjadi surety atau jaminan kepada Kerajaan Negeri, kalau hendak pinjam wang daripada mana² bank, kerana kalau dalam negeri lain Kerajaan Pusat dapat menjadi penjamin maka tidak ada satu sebab dari segi maruah bangsa kita Kerajaan Pusat tidak mahu menjadi penjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mewakili Kerajaan State, kerana saya Ahli Parlimen sahaja di-Kelantan itu. Tetapi saya suka menyatakan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa, kalau Kerajaan Pusat kita tidak begitu rasa sentimen berkenaan dengan Kelantan, dan mahu terus menjadi penjamin bagi Kerajaan Negeri untuk meminjam duit, saya perchaya Kerajaan Negeri boleh meminjam duit dan boleh membuat

perojek² yang bukan sahaja menaikkan nama parti PAS tetapi boleh menolong mengurangkan beban Kerajaan Perikatan di-sini.

Ada pun saya telah menjadi orang yang pertama dan akan menjadi orang yang pertama untuk kempen kepada ra'ayat bahawa Kerajaan Pusat telah bermurah hati mengambil sikap yang begitu, kerana di-kawasan saya sendiri tiap² kali saya beruchap saya menche-ritakan bahawa ini jalan ia-lah jalan Perikatan membuat, bukan saya yang membuat. Kalau tuan² hendak undi saya, undi Perikatan, terpulung kepada tuan². Jadi ini terserah kepada ra'ayat. Jadi kalau Kerajaan kita, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat ini dapat memberi jaminan, ia-itu stand as surety, ia-itu dapat menjadi penjamin bagi bank, kita boleh menjalankan sampai tiga kali pilehan raya lagi—kita boleh menjalankan negeri Kelantan itu. Tetapi ini-lah yang di-khuatirkan oleh Kerajaan Pusat kita, takut kalau² negeri Kelantan itu dia tidak dapat memerintah, pada hal memerintah negeri tidak mesti parti mana, ta' akan kita boleh memerintah, patut-lah Kerajaan Perikatan, Kerajaan Pusat, sekarang ini menimbangkan yang lebeh baik.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua menyampaikan kepada Kerajaan Pusat kita yang berkuasa pada masa ini rasa tidak senang antara Kerajaan negeri Kelantan State, Kerajaan State negeri Kelantan dengan Kerajaan Pusat, patut-lah di-kikis. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak berchapak

Mr (Deputy) Speaker: Panjang lagi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Baharu hujong yang ini. Yang ini sudah-lah (*Ketawa*).

Mr (Deputy) Speaker: Kalau baharu hujong, saya berhentikan-lah. Persidangan ini di-tanggohkan hingga pukul 9.30 pagi esok.

Adjourned at 6.37 p.m.